

Empat parti pembangkang tolak pelawaan sertai BN

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAAKOB

UM F 4 NOV 2002

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Pas, DAP, Keadilan dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) menolak pelawaan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya menyertai Barisan Nasional (BN) dengan alasan Perdana Menteri mempunyai muslihat untuk menghapuskan pembangkang di negara ini.

Parti-parti pembangkang itu yang menolak matlamat penggabungan untuk membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar sebaliknya bertekad mahu menumbangkan BN pada pilihan raya umum akan datang.

Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berkata, Pas menolak sama sekali seruan untuk bergabung di bawah BN.

Tegasnya, jika parti itu menerima pelawaan BN, ia sekali gus akan melumpuhkan demokrasi.

Muslihat

“BN mempunyai muslihat untuk melemahkan dan menghapuskan parti pembangkang di negara ini.

“Saya tidak akan naik kereta api yang sedang bergerak laju dan tidak pula berhenti di stesen. Mereka buka pintu (pelawaan) un-

tuk suruh kita naik ketika itu,” katanya di Marang, Terengganu hari ini.

Beliau mengulas pelawaan terbuka Dr. Mahathir kepada semua parti politik pembangkang untuk menyertai BN bagi sama-sama membangunkan negara selain bersatu menghadapi musuh luar.

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata, BN sentiasa mengamalkan dasar terbuka dan sanggup berkongsi kuasa sekiranya mereka menyertai gabungan itu secara ikhlas.

Dalam ucaptamanya semasa Konvensyen

■ Lihat muka 8

Empat parti pembangkang tolak pelawaan sertai BN

BN Pulau Pinang semalam, Perdana Menteri berkata: “Secara umumnya BN terbuka kepada semua parti, kita tidak tamak kuasa sebab itu kita sanggup berkongsi kuasa dengan parti-parti lain yang semakin lama semakin banyak menyertai BN termasuk parti yang dahulu menentang kita macam Gerakan, Parti Progresif Penduduk (PPP) dan Pas (pada satu tempoh) bersedia berkongsi kuasa.

“Jadi kalau ada sesiapa teringat nak masuk BN, kalau dia betul-betul ikhlas, kita terima, malah baru-baru ini kita menerima semula kemasukan Parti Bersatu Sabah (PBS).”

Mengulas lanjut, Abdul Hadi percaya pelawaan secara terbuka itu dibuat ketika BN semakin lemah dan berada dalam keadaan terdesak sehingga perlu mengambil pendekatan baru.

Abdul Hadi menambah, soal banyaknya parti politik dalam negara ini tidak boleh dijadikan alasan yang merencatkan perpaduan kerana parti-parti itu sudah bertapak sekian lama.

“Sepatutnya yang perlu ditumpukan ialah proses pilihan raya yang lebih demokratik dan tidak dikuasai oleh satu parti,” ujar beliau.

Mursyidul Am Pas, **Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat** ketika ditemui di pejabatnya di Kota Bharu hari ini pula berkata, Pas menolak pelawaan Perdana Menteri itu atas alasan Pas pernah ditendang keluar daripada BN.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan sebaliknya menjemput BN khususnya UMNO menyertai Pas.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung DAP, **Kerk Kim Hock** berkata, DAP bertekad mengekalkan prinsip dan ideologi politiknya dengan menolak sebarang penyatuan dengan BN.

Tegasnya, adalah tidak mung-

kin DAP menyertai BN atas alasan untuk menghadapi musuh luar seperti yang diminta oleh Dr. Mahathir.

Bagaimanapun beliau mengakui DAP, parti pembangkang lain dan BN boleh menunjukkan pendirian bersama dalam sesuatu isu misalnya keganasan.

“Tetapi ini bukanlah bermakna kita (parti pembangkang) mesti masuk BN. Saya katakan tidak mungkin DAP menyertai BN atas alasan menghadapi musuh-musuh luar,” katanya ketika dihubungi di sini.

Setiausaha Agung Keadilan, **Sahri Bahari** pula berkata, BN ‘bermimpi di siang hari’ sekiranya mahu melihat penggabungan semua parti pembangkang di bawah BN menjadi kenyataan.

Kata beliau, pelawaan Dr. Mahathir itu bertujuan untuk mengelirukan para penyokong pembangkang khususnya Keadilan.

“Saya fikir pelawaan ini ada kaitan dengan tarikh pilihan raya umum akan datang yang kita jangka diadakan lebih awal.

“Ini adalah taktik BN untuk melemahkan parti-parti pembangkang yang sebenarnya telah bersedia untuk menghadapi BN,” katanya.

Sementara itu, Presiden PRM, **Dr. Syed Husin Ali** berkata, Perdana Menteri cuba hendak memecah-belahkan pembangkang dengan menyeru ahli-ahli PRM dan Keadilan menyertai UMNO.

“Nampaknya beliau bimbang dengan perkembangan percantuman PRM-Keadilan yang pasti akan menambah kekuatan tenaga pembangkang untuk mencahar BN secara berkesan,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini.

Mesyuarat Agung Tahunan Keadilan di Sungai Petani, Kedah bulan ini meluluskan usul gabungan parti itu dengan PRM.